

TUDM nilai dua pesawat

BH - 2 FEB 2002

Oleh Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Jumaat - Malaysia menyenarai pendek pesawat pejuang *Sukhoi SU-30* buatan Russia dan *Super Hornet FA-18EF*, keluaran Amerika Syarikat untuk dibeli bagi kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Sehubungan itu, Kementerian Pertahanan akan menghantar sekumpulan pakar ke Russia pertengahan bulan ini bagi menilai keupayaan pesawat *Sukhoi SU-30* dan ke Amerika Syarikat Mac ini, bagi mendapatkan maklumat mengenai *Super Hornet FA-18EF*.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kumpulan terbabit akan menyediakan laporan lengkap berhubung kedua-dua pesawat itu sebelum dibentangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, laporan itu akan digunakan kerajaan bagi memilih pesawat yang sesuai untuk kegunaan TUDM.

Beliau berkata, pasukan penilai akan berada di dua negara terbabit bagi tempoh satu hingga dua minggu bagi mendapatkan maklumat diperlukan mengenai kedua-dua pesawat.

Kementerian senarai pendek pesawat *Sukhoi SU-30* buatan Russia dan *Super Hornet FA-18EF* keluaran Amerika

"Memang ada keperluan mempertingkatkan keupayaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Oleh itu, kini, kita dalam proses membuat penilaian pesawat juang *Sukhoi* dan *Super Hornet*," katanya kepada pemberita selepas majlis meraikan jurutera TUDM yang terbabit dalam pertunjukan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) 2001, di sini malam tadi.

Turut hadir, Panglima Tentera Udara, Jen Datuk Suleiman Mahmud.

Najib berkata, langkah mengukuhkan TUDM penting bagi mengesan sebarang unsur yang boleh menggugat keselamatan negara.

Berikutan itu, katanya, cadangan pembelian pesawat canggih seperti *Sukhoi* dan *Super Hornet* sebahagian usaha pembangunan dan peningkatan TUDM yang perlu dilakukan.

Mengenai kejayaan Lima 2001 lalu, beliau berkata, walaupun pasukan nega-

ra asing terbabit dalam pertunjukan udara itu, pasukan TUDM diberi peluang menunjukkan kebolehan mereka dalam slot utama pertunjukan.

Katanya, jurutera TUDM adalah 'hero utama' dalam menjayakan pertunjukan Lima 2001, selepas pasukan aerobatik udara Thunderbirds dari Amerika Syarikat dan Red Arrows dari Britain menarik diri.

"Pada mesyuarat Kabinet, semua menteri memuji kecemerlangan jurutera TUDM yang mempersembahkan pertunjukan di luar dugaan.

"Berdasarkan kejayaan itu, pertunjukan Lima akan datang tentu lebih mencabar dan saya mengarahkan jurutera kita meningkatkan kemampuan masing-masing.

"Walaupun pada Lima 2003 pasukan Red Arrows, Thunderbirds dan Blue Angles mungkin beraksi, saya akan mendapatkan masa utama untuk TUDM menunjukkan persembahan mereka," katanya.